



Treaty Series No. 4 (1968)

Agreement

between the Government of the
United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland
and the Government of Malaysia

for Air Services between and beyond
their respective territories

Kuala Lumpur, 1 August 1967

[The Agreement entered into force on signature]

*Presented to Parliament by the Secretary of State for Commonwealth Affairs
by Command of Her Majesty
January 1968*

LONDON
HER MAJESTY'S STATIONERY OFFICE

1s. 9d. net

AGREEMENT
BETWEEN THE GOVERNMENT OF THE UNITED KINGDOM
OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND AND THE
GOVERNMENT OF MALAYSIA FOR AIR SERVICES BETWEEN
AND BEYOND THEIR RESPECTIVE TERRITORIES

The Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and the Government of Malaysia,

Being parties to the Convention on International Civil Aviation⁽¹⁾ and

Desiring to conclude an Agreement for the purpose of establishing air services between and beyond their respective territories,

Have agreed as follows:

ARTICLE 1

For the purpose of the present Agreement, unless the context otherwise requires:

- (a) The term "the Convention" means the Convention on International Civil Aviation opened for signature at Chicago on the seventh day of December, 1944, and includes any Annex adopted under Article 90 of that Convention and any amendment of the Annexes or Convention under Articles 90 and 94 thereof;
- (b) the term "aeronautical authorities" means, in the case of the United Kingdom, the Board of Trade and any person or body authorised to perform any functions at present exercised by the said Board or similar functions, and, in the case of Malaysia, the Minister of Transport and any person or body authorised to perform any functions at present exercised by the said Minister or similar functions;
- (c) the term "designated airline" means an airline which one Contracting Party shall have designated, by written notification to the other Contracting Party, in accordance with Article 3 of the present Agreement, for the operation of air services on the routes specified in such notification;
- (d) the term "change of gauge" means the operation of an air service by a designated airline in such a way that one section of the route is flown by aircraft different in capacity from those used on another section;
- (e) the term "territory" in relation to a State means the land areas and territorial waters adjacent thereto under the sovereignty, suzerainty, protection or trusteeship of that State; and
- (f) the terms "air service", "international air service", "airline" and "stop for non-traffic purposes" have the meanings respectively assigned to them in Article 96 of the Convention.

ARTICLE 2

(1) Each Contracting Party grants to the other Contracting Party the rights specified in the present Agreement for the purpose of establishing air services on the routes specified in the appropriate Section of the Schedule thereto (hereinafter called "the agreed services" and "the specified routes").

(1) "Treaty Series No. 8 (1953)", Cmd. 8742.

(2) Subject to the provisions of the present Agreement, the airlines designated by each Contracting Party shall enjoy, while operating an agreed service on a specified route, the following privileges:

- (a) to fly without landing across the territory of the other Contracting Party;
- (b) to make stops in the said territory for non-traffic purposes; and
- (c) to make stops in the said territory at the points specified for that route in the Schedule to the present Agreement for the purpose of putting down and taking on international traffic in passengers, cargo and mail.

(3) Nothing in paragraph (2) of this Article shall be deemed to confer on the airlines of one Contracting Party the privilege of taking up, in the territory of the other Contracting Party, passengers, cargo or mail carried for remuneration or hire and destined for another point in the territory of that other Contracting Party.

ARTICLE 3

(1) Each Contracting Party shall have the right to designate in writing to the other Contracting Party one or more airlines for the purpose of operating the agreed services on the specified routes.

(2) On receipt of the designation, the other Contracting Party shall, subject to the provisions of paragraphs (3) and (4) of this Article, without delay grant to the airline or airlines designated the appropriate operating authorisation.

(3) The aeronautical authorities of one Contracting Party may require an airline designated by the other Contracting Party to satisfy them that it is qualified to fulfil the conditions prescribed under the laws and regulations normally and reasonably applied by them in conformity with the provisions of the Convention to the operation of international commercial air services.

(4) Each Contracting Party shall have the right to refuse to accept the designation of an airline and to withhold or revoke the grant to an airline of the privileges specified in paragraph (2) of Article 2 of the present Agreement or to impose such conditions as it may deem necessary on the exercise by an airline of those privileges in any case where it is not satisfied that substantial ownership and effective control of that airline are vested in the Contracting Party designating the airline or in nationals of the Contracting Party designating the airline.

(5) At any time after the provisions of paragraphs (1) and (2) of this Article have been complied with, an airline so designated and authorised may begin to operate the agreed services provided that a service shall not be operated unless a tariff established in accordance with the provisions of Article 7 of the present Agreement is in force in respect of that service.

(6) Each Contracting Party shall have the right to suspend the exercise by an airline of the privileges specified in paragraph (2) of Article 2 of the present Agreement or to impose such conditions as it may deem necessary on the exercise by an airline of those privileges in any case where the airline fails to comply with the laws or regulations of the Contracting Party granting those privileges or otherwise fails to operate in accordance with

the conditions prescribed in the present Agreement; provided that, unless immediate suspension or imposition of conditions is essential to prevent further infringements of laws or regulations, this right shall be exercised only after consultation with the other Contracting Party.

ARTICLE 4

Fuel, lubricating oils, spare parts, regular aircraft equipment and aircraft stores introduced into the territory of one Contracting Party, or taken on board aircraft in that territory, by or on behalf of the other Contracting Party or its designated airline or airlines and intended solely for use by or in the aircraft of those airlines shall be accorded the following treatment by the first Contracting Party in respect of customs duties, inspection fees and other similar national or local duties and charges:

- (a) in the case of fuel and lubricating oils remaining on board aircraft at the last airport of call before departure from the said territory, exemption; and
- (b) in the case of fuel and lubricating oils not included under (a) and spare parts, regular aircraft equipment and aircraft stores, treatment not less favourable than that accorded to similar supplies introduced into the said territory, or taken on board aircraft in that territory, and intended for use by or in the aircraft of a national airline of the first Contracting Party, or of the most favoured foreign airline, engaged in international air services. This treatment shall be in addition to and without prejudice to that which each Contracting Party is under obligation to accord under Article 24 of the Convention.

ARTICLE 5

(1) There shall be fair and equal opportunity for the airlines of both Contracting Parties to operate the agreed services on the specified routes between their respective territories.

(2) In operating the agreed services, the airlines of each Contracting Party shall take into account the interests of the airlines of the other Contracting Party so as not to affect unduly the services which the latter provide on the whole or part of the same routes.

(3) The agreed services provided by the designated airlines of the Contracting Parties shall bear close relationship to the requirements of the public for transportation on the specified routes and shall have as their primary objective the provision, at a reasonable load factor, of capacity adequate to carry the current and reasonably anticipated requirements for the carriage of passengers, cargo and mail originating from or destined for the territory of the Contracting Party which has designated the airline. Provision for the carriage of passengers, cargo and mail both taken up and put down at points on the specified routes in the territories of States other than that designating the airline shall be made in accordance with the general principles that capacity shall be related to:

- (a) traffic requirements to and from the territory of the Contracting Party which has designated the airline;

- (b) traffic requirements of the area through which the airline passes, after taking account of other transport services established by airlines of the States comprising the area; and
- (c) the requirements of through airline operation.

ARTICLE 6

A designated airline of one Contracting Party may make a change of gauge at a point in the territory of the other Contracting Party only on the following conditions:

- (a) that it is justified by reason of economy of operation;
- (b) that the aircraft used on the section more distant from the terminal in the territory of the former Contracting Party are smaller in capacity than those used on the nearer section;
- (c) that the aircraft of smaller capacity shall operate only in connexion with the aircraft of larger capacity and shall be scheduled so to do; the former shall arrive at the point of change for the purpose of carrying traffic transferred from, or to be transferred into, the aircraft of larger capacity; and their capacity shall be determined with primary reference to this purpose;
- (d) that there is an adequate volume of through traffic; and
- (e) that the provisions of Article 5 of the present Agreement shall govern all arrangements made with regard to change of gauge.

ARTICLE 7

(1) The tariffs on any agreed service shall be established at reasonable levels, due regard being paid to all relevant factors including cost of operation, reasonable profit, characteristics of service (such as standards of speed and accommodation) and the tariffs of other airlines for any part of the specified route. These tariffs shall be fixed in accordance with the following provisions of this Article.

(2) The tariffs referred to in paragraph (1) of this Article, together with the rates of agency commission used in conjunction with them shall, if possible, be agreed in respect of each of the specified routes between the designated airlines concerned, in consultation with other airlines operating over the whole or part of that route, and such agreement shall, where possible, be reached through the rate-fixing machinery of the International Air Transport Association. The tariffs so agreed shall be subject to the approval of the aeronautical authorities of both Contracting Parties.

(3) If the designated airlines cannot agree on any of these tariffs, or if for some other reason a tariff cannot be agreed in accordance with the provisions of paragraph (2) of this Article, the aeronautical authorities of the Contracting Parties shall try to determine the tariff by agreement between themselves.

(4) If the aeronautical authorities cannot agree on the approval of any tariff submitted to them under paragraph (2) of this Article or on the determination of any tariff under paragraph (3), the dispute shall be settled in accordance with the provisions of Article 11 of the present Agreement.

(5) No tariff shall come into force if the aeronautical authorities of either Contracting Party are dissatisfied with it except under the provision of paragraph (3) of Article 11 of the present Agreement.

(6) When tariffs have been established in accordance with the provisions of this Article these tariffs shall remain in force until new tariffs have been established in accordance with the provisions of this Article.

ARTICLE 8

Each Contracting Party grants to the designated airlines of the other Contracting Party the right to transfer to their head offices in Malaysian dollars or sterling at the official rates of exchange all surplus earnings whatever the currency in which they were earned.

ARTICLE 9

The aeronautical authorities of either Contracting Party shall supply to the aeronautical authorities of the other Contracting Party at their request such periodic or other statements of statistics as may be reasonably required for the purpose of reviewing the capacity provided on the agreed services by the designated airlines of the first Contracting Party. Such statements shall include all information required to determine the amount of traffic carried by those airlines on the agreed services and the origins and destinations of such traffic.

ARTICLE 10

There shall be regular and frequent consultation between the aeronautical authorities of the Contracting Parties to ensure close collaboration in all matters affecting the fulfilment of the present Agreement.

ARTICLE 11

(1) If any dispute arises between the Contracting Parties relating to the interpretation or application of the present Agreement the Contracting Parties shall in the first place endeavour to settle it by negotiation between themselves.

(2) If the Contracting Parties fail to reach a settlement by negotiation:

(a) they may agree to refer the dispute for decision to an arbitral tribunal appointed by agreement between them or to some other person or body; or

(b) if they do not so agree or if, having agreed to refer the dispute to an arbitral tribunal, they cannot reach agreement as to its composition, either Contracting Party may submit the dispute for decision to any tribunal competent to decide it which may hereafter be established within the International Civil Aviation Organisation or, if there is no such tribunal, to the Council of the said Organisation.

(3) The Contracting Parties undertake to comply with any decision given under paragraph (2) of this Article.

(4) If and so long as either Contracting Party or a designated airline of either Contracting Party fails to comply with a decision given under paragraph (2) of this Article, the other Contracting Party may limit, withhold or revoke any rights or privileges which it has granted by virtue of the present Agreement to the Contracting Party in default or to the designated airline or airlines of that Contracting Party or to the designated airline in default.

ARTICLE 12

(1) If either of the Contracting Parties considers it desirable to modify any provision of the present Agreement, such modification, if agreed between the Contracting Parties, shall come into effect when confirmed by an Exchange of Notes.

(2) In the event of the conclusion of any general multilateral convention concerning air transport by which both Contracting Parties become bound, the present Agreement shall be amended so as to conform with the provisions of such convention.

ARTICLE 13

Either Contracting Party may at any time give notice to the other if it desires to terminate the present Agreement. Such notice shall be simultaneously communicated to the International Civil Aviation Organisation. If such notice is given, the present Agreement shall terminate twelve months after the date of receipt of the notice by the other Contracting Party, unless the notice to terminate is withdrawn by agreement before the expiry of this period. In the absence of acknowledgment of receipt by the other Contracting Party, notice shall be deemed to have been received fourteen days after the receipt of the notice by the International Civil Aviation Organisation.

ARTICLE 14

The present Agreement and any Exchange of Notes in accordance with Article 12 shall be registered with the International Civil Aviation Organisation.

ARTICLE 15

The present Agreement shall come into force on the date of signature.

IN WITNESS WHEREOF the undersigned, being duly authorised thereto by their respective Governments, have signed the present Agreement:

DONE at Kuala Lumpur on the 1st day of August 1967 in two authentic texts in the English and Malay languages. In the case of any inconsistency, the text in the English language shall prevail.

For the Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland:

C. M. WALKER.

For the Government of Malaysia:

SARDON JUBIR.

SCHEDULE

Section I

Routes to be operated by the designated airline or airlines of the United Kingdom:

<i>Column 1</i>	<i>Column 2</i>	<i>Column 3</i>	<i>Column 4</i>
Points of departure:	Intermediate points:	Points in Malaysia:	Points beyond:
1. Hong Kong	Bangkok	Kuala Lumpur	Singapore
2. Points in United Kingdom	Frankfurt Zurich Rome Vienna Moscow Athens Istanbul Beirut Tel Aviv Cairo Damascus Amman Baghdad Abadan	Bahrain Kuwait Dahran Doha Dubai Teheran Tashkent Karachi Rawalpindi Bombay Delhi Calcutta Dacca	Singapore Darwin Brisbane Sydney Auckland Fiji
3. Hong Kong	Brunei	Jesselton	Nil

The designated airline or airlines of the United Kingdom may on any or all flights omit calling at any of the above points, provided that the agreed services on the routes begin at a point in United Kingdom territory.

Section II

Routes to be operated by the designated airline of Malaysia:

<i>Column 1</i>	<i>Column 2</i>	<i>Column 3</i>	<i>Column 4</i>
Points of departure:	Intermediate points:	Points in the territory of the United Kingdom:	Points beyond:
1. Points in Malaysia-Singapore-Points in Malaysia	Bangkok Saigon	Hong Kong	Taipei Osaka Tokyo Seoul

The designated airline of Malaysia may, on any or all flights, omit calling at any of the above points, provided that the agreed services on this route begin at a point in Malaysia.

PERJANJIAN
ANTARA KERAJAAN UNITED KINGDOM BAGI GREAT
BRITAIN DAN IRELAND UTARA UNTUK MENGADAKAN
PERKHIDMATAN² UDARA DI-ANTARA DAN DI-LUAR
WILAYAH²-NYA MASING²

Kerajaan United Kingdom bagi Great Britain dan Ireland Utara dan Kerajaan Malaysia,

Sa-bagai pehak² dalam Konvenshen berkenaan dengan Penerbangan 'Awam Antarabangsa dan

Dengan tujuan hendak membuat suatu Perjanjian bagi maksud mengadakan perkhidmatan² udara di-antara dan di-luar wilayah²-nya masing²,

Telah bersetuju saperti berikut:

PERKARA 1

Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain:

- (a) perkataan "Konvenshen" erti-nya Konvenshen berkenaan dengan Penerbangan 'Awam Antarabangsa yang terbuka untuk di-tandatangani di-Chicago pada tujuh haribulan Disember, 1944, dan termasuk-lah apa² Lampiran yang di-terima di-bawah Perkara 90 Konvenshen itu dan apa² jua pindaan bagi Lampiran² atau Konvenshen itu di-bawah Perkara 90 dan 94 Konvenshen itu;
- (b) perkataan "pehak-berkuasa² penerbangan", berkenaan dengan Malaysia, erti-nya Menteri Pengangkutan dan mana² orang atau badan yang di-beri kuasa menyempurnakan apa² tugas yang pada masa sekarang ini di-jalankan oleh Menteri yang tersebut itu atau apa² tugas yang sa-rupa itu, dan, berkenaan dengan United Kingdom erti-nya Lembaga Perdagangan dan mana² orang atau badan yang di-beri kuasa menyempurnakan apa² tugas yang pada masa sekarang ini di-jalankan oleh Lembaga yang tersebut itu atau tugas² yang sa-rupa itu;
- (c) perkataan "perkhidmatan penerbangan yang di-tetapkan" erti-nya suatu perkhidmatan penerbangan yang di-tetapkan oleh satu Pihak dalam Perjanjian ini, melalui pemberitahu bertulis kepada Pihak yang satu lagi itu, mengikut Perkara 3 Perjanjian ini, untuk menjalankan perkhidmatan² udara pada jalan² yang di-tentukan dalam pemberitahu itu;
- (d) perkataan "perubahan daya muatan" erti-nya perjalanan sa-suatu perkhidmatan udara oleh sa-suatu perkhidmatan penerbangan yang di-tetapkan dengan sa-suatu chara bahawa satu bahagian daripada jalan itu ada-lah di-gunakan oleh kapalterbang yang berlainan daya muatan-nya daripada kapalterbang yang di-gunakan pada suatu bahagian yang lain;
- (e) perkataan "wilayah" berkenaan dengan sa-sabuah Negara erti-nya kawasan² darat dan kawasan² perayeran yang berdamping dengan-nya

yang di-bawah kedaulatan, pertuanan, naongan atau peramanahan Negara itu; dan

- (f) perkataan² “perkhidmatan udara”, “perkhidmatan udara antarabangsa”, “perkhidmatan penerbangan” dan “berhenti bukan bagi maksud² perdagangan” mempunyai erti² yang di-untukkan kapada-nya masing² dalam Perkara 96 Konvenshen itu.

PERKARA 2

(1) Tiap² satu Pihak dalam Perjanjian ini ada-lah memberi kepada Pihak yang satu lagi itu hak² yang di-nyatakan dalam Perjanjian ini bagi maksud mengadakan perkhidmatan² udara pada jalan² yang di-tentukan dalam Sekshen yang berkenaan dalam Jadual kapada Perjanjian ini (di-bawah ini di-sebut “perkhidmatan² yang di-persetujui” dan “jalan² yang di-tentukan”).

(2) Terta'alok kapada peruntukan² Perjanjian ini, perkhidmatan² penerbangan yang di-tetapkan oleh tiap² satu Pihak dalam Perjanjian ini hendak-lah mendapat hak² yang berikut dalam masa menjalankan suatu perkhidmatan yang di-persetujui pada suatu jalan yang di-tentukan:

- (a) terbang dengan tidak mendarat melalui wilayah Pihak yang satu lagi itu;
- (b) berhenti dalam wilayah yang tersebut itu bukan bagi maksud² perdagangan; dan
- (c) berhenti dalam wilayah yang tersebut itu pada tempat² yang di-tentukan bagi jalan itu dalam Jadual kapada Perjanjian ini bagi maksud menurunkan dan mengambil naik perdagangan antarabangsa yang terdiri daripada penumpang², barang² dan mel.

(3) Tiada-lah apa² jua dalam perenggan (2) Perkara ini boleh di-sifatkan sa-bagai memberi hak kapada perkhidmatan² penerbangan kepunyaan satu Pihak dalam Perjanjian ini untuk mengambil naik penumpang², barang² atau mel, di-dalam wilayah Pihak yang satu lagi itu, yang di-bawa untuk mendapat bayaran atau sewa dan yang di-tujukan ka-sasuatu tempat lain di-dalam wilayah Pihak yang satu lagi itu juga.

PERKARA 3

(1) Tiap² satu Pihak dalam Perjanjian ini ada-lah berhak menetapkan dengan bertulis kapada Pihak yang satu lagi itu satu atau lebeh daripada satu perkhidmatan penerbangan bagi maksud menjalankan perkhidmatan² yang di-persetujui pada jalan² yang di-tentukan.

(2) Apabila di-terima penetapan itu, Pihak yang satu lagi itu hendak-lah, terta'alok kapada peruntukan² perenggan (3) dan (4) Perkara ini, dengan tidak lewat memberi kebenaran yang berkenaan untuk menjalankan perkhidmatan kapada perkhidmatan atau perkhidmatan² penerbangan yang di-tetapkan itu.

(3) Pihak-berkuasa² penerbangan bagi satu Pihak dalam Perjanjian ini boleh menghendaki sa-suatu perkhidmatan penerbangan yang di-tetapkan oleh Pihak yang satu lagi itu supaya memuaskan hati-nya bahawa perkhidmatan penerbangan itu ada-leh berkeleyakkan memenohi syarat² yang

di-tetapkan di-bawah undang² dan peratoran² yang biasa-nya dan menasabah di-kenakan oleh-nya ka-atas perjalanan perkhidmatan² udara perdagangan antarabangsa pada menurut peruntokan² Konvenshen itu.

(4) Tiap² satu Pihak dalam Perjanjian ini ada-lah berhak menolak penetapan tentang sa-tuatu perkhidmatan penerbangan dan tidak memberi atau membatalkan pemberian hak² yang di-nyatakan dalam perenggan (2) Perkara 2 Perjanjian ini kepada sa-suatu perkhidmatan penerbangan atau mengenakan apa² syarat yang di-fikirkan-nya perlu atas penggunaan hak² itu oleh sa-suatu perkhidmatan penerbangan apabila ia-nya tidak puashati bahawa hak-kepunyaan pada sa-bahagian besar-nya dan kawalan yang berkesan bagi perkhidmatan penerbangan itu ada terletak pada Pihak dalam Perjanjian ini yang menetapkan perkhidmatan penerbangan itu atau pada warganegara² Pihak dalam Perjanjian ini yang menetapkan perkhidmatan penerbangan itu.

(5) Pada bila² masa sa-telah peruntokan² perenggan (1) dan (2) Perkara ini di-patohi, sa-suatu perkhidmatan penerbangan yang sa-demikian di-tetap dan di-benarkan boleh-lah mula menjalankan perkhidmatan² yang di-persetujui itu dengan syarat bahawa sa-suatu perkhidmatan tidak-lah boleh di-jalankan melainkan jika sa-suatu tarif yang telah di-tetapkan mengikut peruntokan² Perkara 7 Perjanjian ini ada berjalan kuatkuasa-nya berkenaan dengan perkhidmatan itu.

(6) Tiap² satu Pihak dalam Perjanjian ini ada-lah berhak menggantung penggunaan hak² yang di-nyatakan dalam perenggan (2) Perkara 2 Perjanjian ini oleh sa-suatu perkhidmatan penerbangan atau mengenakan apa² syarat yang di-fikirkan-nya perlu atas penggunaan hak² itu oleh sa-suatu perkhidmatan penerbangan apabila perkhidmatan penerbangan itu tidak mematohi undang² atau peratoran² Pihak dalam Perjanjian ini yang memberi hak² itu atau pun tidak dapat menjalankan perkhidmatan mengikut syarat² yang di-tetapkan dalam Perjanjian ini; dengan syarat bahawa hak ini boleh di-gunakan hanya sa-lepas berunding dengan Pihak yang satu lagi itu, melainkan jika syarat² perlu di-gantung atau di-kenakan dengan segera untuk mengelakkan undang² atau peratoran² itu daripada di-langgar lagi.

PERKARA 4

Bahanapi, minyak² pelichin, barang² ganti, alatan² dan bekalan² biasa kapalterbang yang di-bawa masok ka-dalam wilayah satu Pihak dalam Perjanjian ini, atau yang di-bawa naik ka-dalam kapalterbang di-dalam wilayah itu, oleh atau bagi pihak Pihak yang satu lagi itu atau perkhidmatan atau perkhidmatan² penerbangan-nya yang di-tetapkan dan yang di-maksudkan sa-mata² untuk di-gunakan oleh atau di-dalam kapalterbang kepunyaan perkhidmatan² penerbangan itu hendak-lah di-beri layanan yang berikut oleh Pihak pertama dalam Perjanjian ini berkenaan dengan chukai² kastam, bayaran² pemereksaan dan lain² chukai dan bayaran peringkat negara atau tempatan yang sa-rupa itu:

- (a) tentang bahanapi dan minyak² pelichin yang maseh ada dalam kapalterbang di-lapangan terbang persinggahan yang akhir sa-kali sa-belum berlepas daripada wilayah yang tersebut itu, pengechualian; dan

- (b) tentang bahanpapi dan minyak² pelichin yang tidak termasuk di-bawah (a) dan barang² ganti, alatan² dan bekalan² biasa kapalterbang, layanan yang tidak kurang baik-nya daripada yang di-beri kepada bekalan² yang sa-rupa itu yang di-bawa masuk ka-dalam wilayah yang tersebut itu, atau yang di-bawa naik ka-dalam kapalterbang di-dalam wilayah itu, dan yang di-maksud untuk di-gunakan oleh atua di-dalam kapalterbang perkhidmatan penerbangan kebangsaan kepunyaan Pehak pertama dalam Perjanjian ini atau kepunyaan perkhidmatan penerbangan asing yang mendapat layanan yang terbaik sa-kali, yang ada menjalankan perkhidmatan² udara antarabangsa. Layanan ini ada-lah tambahan kepada dan dengan tidak menyentoh layanan yang tiap² satu Pehak dalam Perjanjian ini ada-lah bertanggung memberi-nya menurut Perkara 24 Konvenshen itu.

PERKARA 5

(1) Maka hendak-lah ada peluang yang baik dan sama bagi perkhidmatan² penerbangan kepunyaan kedua² Pehak dalam Perjanjian ini untuk menjalankan perkhidmatan² yang di-persetujui itu pada jalan² yang di-tentukan di-antara wilayah²-nya masing.

(2) Pada menjalankan perkhidmatan² yang di-persetujui itu, perkhidmatan² penerbangan kepunyaan tiap² satu Pehak dalam Perjanjian ini hendak-lah mengambil kira tentang kepentingan² perkhidmatan² penerbangan Pehak yang satu lagi itu supaya tidak menyentoh dengan tidak berpatutan perkhidmatan² yang di-adakan oleh Pehak yang tersebut kemudian itu pada kesemua atau sa-bahagian daripada jalan² itu juga.

(3) Perkhidmatan² yang di-persetujui yang di-adakan oleh perkhidmatan² penerbangan yang di-tetapan kepunyaan Pehak² dalam Perjanjian ini hendak-lah sa-berapa boleh berpadanan dengan kehendak² 'awam berkenaan dengan pengangkutan pada jalan² yang di-tentukan itu dan sa-bagai matalamat-nya yang utama hendak-lah mengadakan, berdasarkan muatan yang berpatutan, daya muatan yang chukup bagi membawa penumpang², barang² dan mel yang biasa-nya ada dan sa-patut-nya di-jangka ada yang asal-nya datang dari wilayah atau yang di-tujukan ka-wilayah Pehak dalam Perjanjian ini yang telah menetapkan perkhidmatan penerbangan itu. Peruntokan berkenaan dengan membawa penumpang², barang² dan mel yang di-bawa naik dan di-turunkan kedua²-nya di-tempat² pada jalan² yang di-tentukan dalam wilayah² Negara² yang lain daripada negara yang menetapkan perkhidmatan penerbangan itu hendak-lah di-buat mengikut perinsip² 'am bahawa daya muatan hendak-lah berpadanan dengan:

- (a) kehendak² untuk membawa perdagangan ka-wilayah dan dari wilayah Pehak dalam Perjanjian ini yang telah menetapkan perkhidmatan penerbangan itu;
- (b) kehendak² untuk membawa perdagangan bagi kawasan yang di-lalui oleh perkhidmatan penerbangan itu, sa-telah mengambil kira tentang perkhidmatan² pengangkutan lain yang di-adakan oleh perkhidmatan² penerbangan negara² yang terkandung dalam kawasan itu, dan
- (c) kehendak² perkhidmatan penerbangan yang lalu terus.

PERKARA 6

Sa-suatu perkhidmatan penerbangan yang di-tetapkan kepunyaan satu Pihak dalam Perjanjian ini boleh membuat sa-suatu perubahan daya muatan pada suatu tempat di-dalam wilayah Pihak yang satu lagi itu hanya atas syarat² yang berikut:

- (a) bahawa perubahan daya muatan itu ada-lah patut dari segi menjimatkan belanja menjalankan perkhidmatan;
- (b) bahawa kapalterbang yang di-gunakan pada bahagian yang lebeh jauh daripada tempat perhentian di-dalam wilayah Pihak dalam Perjanjian ini yang tersebut dahulu itu ada-lah lebeh kecil daya muatan-nyá daripada yang di-gunakan pada bahagian yang lebeh dekat itu;
- (c) bahawa kapalterbang yang daya muatan-nya lebeh kecil itu hendak-lah di-jalankan hanya berhubung dengan kapalterbang yang lebeh besar daya muatan-nya dan hendak-lah di-jadualkan sa-demikian itu; kapalterbang yang daya muatan-nya lebeh kecil itu hendak-lah tiba di-tempat perubahan itu bagi maksud membawa perdagangan yang di-pindahkan dari-pada atau kepada kapalterbang yang lebeh besar muatan-nya itu; dan daya muatan kapalterbang² itu hendak-lah di-tentukan dengan memberi perhatian utama kepada maksud ini;
- (d) bahawa perdagangan terus ada-lah memadai banyak-nya; dan
- (e) bahawa peruntokan² Perkara 5 Perjanjian ini hendak-lah mena'aloki segala perkiraan yang di-buat berkenaan dengan perubahan daya muatan.

PERKARA 7

(1) Tarif² bagi sa-suatu perkhidmatan yang di-persetujui hendak-lah di-tetapkan mengikut tingkat² yang berpatutan, dengan memberi perhatian yang patut kepada segala perkara yang berkaitan termasuk belanja menjalankan perkhidmatan, untong yang berpatutan, sifat² perkhidmatan (saperti darjah laju dan tempat dudok) dan tarif² bagi perkhidmatan² penerbangan yang lain bagi mana² bahagian daripada jalan yang di-tentukan itu. Tarif² ini hendak-lah di-tetapkan mengikut peruntokan² Perkara ini yang berikut.

(2) Tarif² yang tersebut dalam perenggan (1) Perkara ini, bersama² dengan kadar² komishen untuk ejen yang di-pakai berhubung dengan-nya hendak-lah, jika boleh, di-persetujui mengenai tiap² satu daripada jalan² yang di-tentukan di-antara perkhidmatan² penerbangan yang di-tetapkan yang berkenaan itu, dengan berunding dengan perkhidmatan² penerbangan yang lain yang ada menjalankan perkhidmatan pada semua atau sa-bahagian daripada jalan itu, dan persetujuan saperti itu hendak-lah, jika boleh, di-chapai melalui alat penetap-kadar Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa. Tarif² yang sa-demikian di-persetujui hendak-lah berta'alok kepada kelulusan dari pihak-berkuasa² penerbangan bagi kedua² Pihak dalam Perjanjian ini.

(3) Jika perkhidmatan² penerbangan yang di-tetapkan itu tidak dapat bersetuju atas mana² jua daripada tarif² ini, atau jika oleh kerana sa-suatu sebab yang lain sa-suatu tarif tidak dapat di-persetujui mengikut peruntokan² perenggan (2) Perkara ini, maka pihak-berkuasa² penerbangan bagi Pihak²

dalam Perjanjian ini hendak-lah berusaha menetapkan tarif itu dengan jalan membuat persetujuan di-antara mereka sendiri.

(4) Jika pehak-berkuasa² penerbangan itu tidak dapat bersetuju atas kelulusan mengenai sa-suatu tarif yang di-kemukakan kepada-nya menurut perenggan (2) Perkara ini atau atas penetapan sa-suatu tarif menurut perenggan (3), maka pertikaian itu hendak-lah di-selesaikan mengikut peruntokan² Perkara 11 Perjanjian ini.

(5) Tiada-lah apa² jua tarif boleh berkuatkuasa jika pehak-berkuasa² penerbangan bagi mana² satu Pehak dalam Perjanjian ini tidak puashati dengan-nya melainkan mengikut peruntokan perenggan (3) Perkara 11 Perjanjian ini.

(6) Apabila tarif² telah di-tetapkan mengikut peruntokan² Perkara ini maka tarif² ini hendak-lah sentiasa berkuatkuasa sa-hingga tarif² baharu ada di-tetapkan mengikut peruntokan² Perkara ini.

PERKARA 8

Tiap² satu Pehak dalam Perjanjian ini ada-lah memberi kepada perkhidmatan² penerbangan yang di-tetapkan kepunyaan Pehak yang satu lagi itu hak bagi memindahkan segala pendapatan-nya yang berlebihan dengan apa jua matawang ia telah di-perolehi ka-ibupejabat²-nya dengan matawang ringgit Malaysia atau sterling mengikut kadar² rasmi bagi pertukaran.

PERKARA 9

Pehak-berkuasa penerbangan bagi mana² satu Pehak dalam Perjanjian ini hendak-lah memberi kepada pehak-berkuasa² penerbangan bagi Pehak yang satu lagi itu apabila di-minta oleh-nya sa-suatu kenyataan perangkaan mengikut tempoh atau lain² kenyataan perangkaan sa-bagaimana yang sa-patut-nya di-kehendaki bagi maksud mengulang kaji muatan yang di-adakan bagi perkhidmatan² yang di-persetujui itu oleh perkhidmatan² penerbangan yang di-tetapkan kepunyaan Pehak pertama dalam Perjanjian ini. Kenyataan² saperti itu hendak-lah termasuk segala ma'alumat yang di-kehendaki untuk menentukan berapa banyak-nya perdagangan yang di-bawa oleh perkhidmatan² penerbangan itu dalam perkhidmatan² yang di-persetujui itu dan dari mana datang-nya perdagangan itu serta tempat² yang di-tuju.

PERKARA 10

Maka hendak-lah lazim dan kerap kali di-adakan perundingan di-antara pehak-berkuasa² penerbangan bagi Pehak² dalam Perjanjian ini untuk membolehkan kerjasama yang rapat dalam semua perkara mengenai penunaian Perjanjian ini.

PERKARA 11

(1) Jika sa-suatu pertikaian timbul antara Pehak² dalam Perjanjian ini berkenaan dengan pentafsiran dan penguatkuasaan Perjanjian ini, maka Pehak² dalam Perjanjian ini hendak-lah pertama-nya berusaha menyelesaikannya dengan jalan berunding di-antara mereka sendiri.

(2) Jika Pihak² dalam Perjanjian ini tidak dapat mencapai sa-suatu penyelesaian dengan jalan berunding:

- (a) maka mereka boleh bersetuju merujuk pertikaian itu untuk mendapat keputusan kepada suatu badan pengadil timbangtara yang di-lantek dengan jalan persetujuan di-antara mereka atau kepada sa-saorang atau sa-suatu badan yang lain; atau
- (b) jika mereka tidak bersetuju berbuat demikian atau jika, sa-telah bersetuju merujuk pertikaian itu kepada suatu badan pengadil timbangtara, mereka tidak dapat mencapai persetujuan tentang keanggotaan-nya, maka mana² satu Pihak dalam Perjanjian ini boleh mengemukakan pertikaian itu untuk mendapat keputusan kepada mana² badan pengadil yang berkeelayakan memutuskan-nya yang mungkin di-tubuhkan kemudian kelak di-dalam Pertubohan Penerbangan 'Awam Antarabangsa atau, jika tidak ada badan pengadil seperti itu, kepada Majlis bagi Pertubohan yang tersebut itu.

(3) Pihak² dalam Perjanjian ini mengaku akan mematohi apa² jua keputusan yang telah di-beri di-bawah perenggan (2) Perkara ini.

(4) Jika dan sa-lagi mana² satu Pihak dalam Perjanjian ini atau sa-suatu perkhidmatan penerbangan yang di-tetapkan kepunyaan mana² satu Pihak dalam Perjanjian ini tidak mematohi sa-suatu keputusan yang telah di-beri di-bawah perenggan (2) Perkara ini, maka Pihak yang satu lagi itu boleh menghadkan, tidak memberi atau membatalkan apa² hak yang telah di-berikan-nya pada menurut Perjanjian ini kepada Pihak dalam Perjanjian ini yang tidak mematohi keputusan itu atau kepada perkhidmatan atau perkhidmatan² penerbangan yang di-tetapkan kepunyaan Pihak yang tersebut itu atau pun kepada perkhidmatan penerbangan yang di-tetapkan yang tidak mematohi keputusan itu.

PERKARA 12

(1) Jika mana² satu Pihak dalam Perjanjian ini fikirkan patut di-ubah sa-suatu peruntukan Perjanjian ini, maka perubahan itu, jika di-persetujui di-antara Pihak² dalam Perjanjian ini, hendak-lah berjalan kuatkuasa-nya apabila telah di-sahkan dengan jalan Pertukaran Nota.

(2) Jika sa-kira-nya telah di-buat sa-suatu konvenshen umum di-antara lebeh daripada dua pihak berkenaan dengan pengangkutan udara yang kedua² Pihak dalam Perjanjian ini ada-lah berikat oleh-nya, maka Perjanjian ini hendak-lah di-pinda supaya menepati peruntukan² konvenshen itu.

PERKARA 13

Mana² satu Pihak dalam Perjanjian ini boleh pada bila² masa memberitahu pihak yang satu lagi itu jika ia berkehendak menamatkan Perjanjian ini. Pemberitahu itu hendak-lah di-bantar serentak kepada Pertubohan Penerbangan 'Awam Antarabangsa. Jika pemberitahu itu di-beri, maka hendak-lah tamat Perjanjian ini dua belas bulan sa-lepas tarikh pemberitahu itu di-terima oleh Pihak yang satu lagi itu, melainkan jika pemberitahu menamatkan itu di-tarek balek dengan persetujuan sa-belum habis tempoh ini.

Jika sekira-nya tidak ada pengakuan terima daripada Pehak yang satu lagi itu, maka pemberitahu itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-terima empat belas hari sa-lepas daripada pemberitahu itu di-terima oleh Pertubohan Penerbangan 'Awam Antarabangsa.

PERKARA 14

Perjanjian ini dan apa² jua Pertukaran Nota mengikut Perkara 12 hendak-lah di-daftarkan dengan Pertubohan Penerbangan 'Awam Antarabangsa.

PERKARA 15

Perjanjian ini hendak-lah berjalan kuatkuasa-nya mulai dari tarikh ia-nya di-tandatangani.

Pada menyaksikan hal² di-atas yang bertandatangan di-bawah ini, sa-bagai yang di-beri kuasa dengan sempurna berkenaan-nya oleh Kerajaan²-nya masing², telah menandatangani Perjanjian ini:

DI-TANDA TANGANI di-Kuala Lumpur pada 1 haribulan Ogos 1967 dalam dua naskhah ia-itu Bahasa Inggeris dan Melayu yang sama sah-nya. Sakira-nya terdapat perselisehan maka naskhah dalam Bahasa Inggeris akan di-anggap muktamat.

Bagi Pehak Kerajaan United King-
dom bagi Great Britain dan
Ireland Utara:

C. M. WALKER.

Bagi Pehak Kerajaan Malaysia:

SARDON JUBIR.

JADUAL

Sekshen 1

Jalan² di-mana perkhidmatan akan di-adakan oleh Perkhidmatan atau Perkhidmatan² Penerbangan yang di-tetap-kan kepunyaan United Kingdom:

<i>Ruangan 1</i>	<i>Ruangan 2</i>	<i>Ruangan 3</i>	<i>Ruangan 4</i>
Tempat ² berlepas:	Tempat ² di-antara:	Tempat ² dalam Malaysia:	Tempat ² di-luar:
1. Hong Kong	Bangkok	Kuala Lumpur	Singapura
2. Tempat ² dalam United Kingdom	Frankfurt Zurich Rome Vienna Moscow Athens Istanbul Beirut Tel Aviv Kahirah Damshik Amman Baghdad Abadan	Bahrain Kuwait Dahran Doha Dubai Teheran Tashkent Karachi Rawalpindi Bombay Delhi Calcutta Dacca	Singapura Darwin Brisbane Sydney Auckland Fiji
3. Hong Kong	Brunei	Jesselton	Tiada

Perkhidmatan atau perkhidmatan² penerbangan yang di-tetapkan kepunyaan United Kingdom boleh, pada mana² atau kesemua penerbangan, tidak singgah di-sasuatu tempat tersebut di-atas, dengan syarat perkhidmatan² yang di-persetujui pada Jalan² itu bermula di-sasuatu tempat dalam wilayah United Kingdom.

Sekshen 2

Jalan² di-mana perkhidmatan akan di-adakan oleh Perkhidmatan Penerbangan yang di-tetapkan kepunyaan Malaysia:

<i>Ruangan 1</i>	<i>Ruangan 2</i>	<i>Ruangan 3</i>	<i>Ruangan 4</i>
Tempat ² berlepas:	Tempat ² di-antara:	Tempat ² dalam United Kingdom:	Tempat ² di-luar:
Tempat ² dalam Malaysia- Singapura- Tempat ² dalam Malaysia	Bangkok Saigon	Hong Kong	Taipei Osaka Tokyo Seoul

Perkhidmatan penerbangan yang di-tetapkan kepunyaan Malaysia boleh, pada mana² atau kesemua penerbangan, tidak singgah di-sasuatu tempat tersebut di-atas, dengan syarat bahawa perkhidmatan² yang di-persetujui pada jalan ini bermula di-sasuatu tempat dalam Malaysia.

Printed in England by Her Majesty's Stationery Office

HER MAJESTY'S STATIONERY OFFICE

Government Bookshops

49 High Holborn, London w.c.1

423 Oxford Street, London w.1

13A Castle Street, Edinburgh 2

109 St. Mary Street, Cardiff cf1 1jw

Brazennose Street, Manchester 2

50 Fairfax Street, Bristol 1

258/9 Broad Street, Birmingham 1

7-11 Linenhall Street, Belfast BT2 8AY

*Government publications are also available
through any bookseller*